



PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR)

Bilangan 8 Tahun 2020

PELAKSANAAN KURSUS KOKURIKULUM PADA SESI II 2019/2020

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan pelaksanaan kursus kokurikulum pada Sesi II 2019/2020 bagi seluruh sistem Universiti Teknologi MARA (UiTM).

LATAR BELAKANG

2. Pada 16 Mac 2020, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di Malaysia.

3. Lanjutan dari pengumuman tersebut, Pekeliling Naib Canselor Bilangan 08 Tahun 2020, Surat Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Bilangan 01 Tahun 2020 dan Pekeliling Akademik Bil. 06 Tahun 2020 telah dikeluarkan untuk rujukan semua warga.

4. Berdasarkan Pekeliling Naib Canselor Bilangan 08 Tahun 2020, semua sesi makmal / bengkel / studio / lapangan / padang / dapur / seminar diteruskan hanya jika ia boleh dijalankan secara dalam talian. Sekiranya tidak, pelajar dinasihatkan untuk menggugurkan subjek ini bagi semester ini dan dibawa ke semester hadapan atau pelajar diberi pilihan untuk carry forward markah kerja kursus subjek berkenaan ke semester akan datang.

5. Sehubungan itu, Mesyuarat Senat Ke-256 (Khas) bertarikh 3 April 2020 dan Mesyuarat Senat Ke-257 bertarikh 16 April 2020 telah membuat keputusan berkenaan pelaksanaan kursus kokurikulum bagi Sesi II 2019/2020 di seluruh sistem UiTM.

PELAKSANAAN

6. Kursus kokurikulum bagi pelajar Semester 1, 2, 3, 4 dan 5 bagi Sesi II 2019/2020 adalah **ditangguhkan** ke Sesi I 2020/2021. Pusat Kokurikulum (bagi Kampus Shah Alam) dan Unit Kokurikulum (bagi Kampus Cawangan) bertanggungjawab untuk menggugurkan semua kursus kokurikulum yang telah didaftarkan bagi pelajar tersebut pada Sesi II 2019/2020.
7. Kaedah pengajaran secara Open and Distance Learning (ODL) yang bersesuaian dan penilaian melalui kerja kursus perlu digunakan untuk kod kursus kokurikulum peringkat asas (Semester 2) atau lanjutan (Semester 3) yang didaftarkan oleh **pelajar yang akan bergraduat dan menjalani latihan industri** pada Sesi I 2020/2021 bagi memastikan pelajar tersebut boleh bergraduat dan menjalani latihan industri.
8. Pelajar Semester 5 yang mengikuti kursus kokurikulum badan beruniform untuk petaulahan seperti di Lampiran A yang akan bergraduat dan menjalani latihan industri pada Sesi I 2020/2021 tetapi masih belum menyelesaikan kursus kokurikulum Semester 5 adalah layak untuk bergraduat serta mengikuti latihan industri memandangkan pelajar tersebut telah memenuhi syarat wajib bagi mata pelajaran umum U4 (MPU 4).
9. Bagi pelajar seperti di perenggan 7 dan perenggan 8, pelajar tidak perlu menggugurkan kursus kokurikulum yang telah didaftarkan, manakala bagi pelajar yang belum mendaftar kursus tersebut, sila berbuat demikian di Pusat Kokurikulum (bagi Kampus Shah Alam) dan Unit Kokurikulum (bagi Kampus Cawangan).
10. Pelaksanaan kursus kokurikulum di bawah program Plus Tahfiz bagi Sesi II 2019/2020 akan diteruskan menggunakan kaedah ODL yang bersesuaian untuk memastikan pelajar-pelajar di bawah program ini dapat mengekalkan hafazan seperti yang ditetapkan di dalam silibus dan untuk mengelakkan pertambahan juzuk hafazan serta bebanan kepada pentasmi' dengan pertambahan bilangan pelajar pada semester hadapan. Walau bagaimanapun, pendaftaran dan proses pemarkahan akan dibawa ke semester akan datang.
11. Kaedah pelaksanaan kursus kokurikulum ini adalah terpakai bagi Sesi II 2019/2020 sahaja. Kaedah sedia ada akan terpakai semula selepas sesi ini, tertakluk kepada pekeliling terkini dari semasa ke semasa.

TARIKH DIKELUARKAN

12. Pekeliling ini dikeluarkan pada 17 April 2020.

TARIKH KUAT KUASA

13. Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 17 April 2020.

PEMAKAIAN

14. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA dan untuk edaran dalaman sahaja.

15. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama Pekeliling Akademik Bilangan 06 Tahun 2020 dan Garis Panduan dan Soalan Lazim (FAQ) Penangguhan Pelaksanaan Kursus Kokurikulum bagi Sesi II 2019/2020 bagi seluruh sistem UiTM.

16. Pekeliling ini meminda perenggan 12 dan perenggan 13 pada Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Bilangan 7 Tahun 2020. Sehubungan itu, Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Bilangan 7 Tahun 2020 adalah **dibatalkan**.



PROF. DR. AZIZAN ABDULLAH
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Dikelilingkan Kepada:

Rektor Kampus Cawangan
Dekan Fakulti
Pengarah Pusat Kokurikulum
Pengarah iCEPS
Timbalan Rektor (HEA) Kampus Cawangan
Timbalan Rektor (HEP) Kampus Cawangan
Timbalan Dekan (HEA) Fakulti
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti
Timbalan Pendaftar Kanan HEP
Ketua Unit Kokurikulum Kampus Cawangan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
Semua Warga UiTM

Bil. Fail : 100-HEP(PT.6/5)
No Siri : 100-HEP(PT.6/5) Bil. 8

**SENARAI KURSUS KOKURIKULUM
BADAN BERUNIFORM UNTUK PENTAULIAHAN**

1. Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA)
2. Komander Kesatria UiTM
3. Pasukan Pegawai Latihan Simpanan (PALAPES) (Darat)
4. Pasukan Pegawai Latihan Simpanan (PALAPES) (Laut)
5. Pasukan Pegawai Latihan Simpanan (PALAPES) (Udara)
6. Sukarelawan Simpanan Polis (SUKSIS)
7. Sukarelawan Bomba
8. Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM)